

**NO. SOALAN: 234**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMUR ]**

**RUJUKAN : 7279**

**SOALAN:**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia gagal mengambil tindakan terhadap pemilihan haram dan tidak sah Ahli Jawatankuasa Negeri DAP Kedah yang telah diadakan pada 11 Julai 2014 di Alor Setar, Kedah.

**JAWAPAN:**

**Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia mengambil maklum bahawa Pemilihan Ahli Jawatankuasa Peringkat Negeri Kedah telah diadakan pada 11 Julai 2014 di Alor Setar. Walau bagaimanapun, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia gagal untuk mengambil tindakan terhadap pemilihan tersebut adalah tidak benar. Hal ini kerana Jabatan masih tidak dapat melengkapkan siasatan terhadap Pemilihan Semula CEC DAP Peringkat Pusat seterusnya tiada lagi keputusan terhadap Pemilihan Semula CEC. Sehingga kini, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia juga tidak menerima apa-apa aduan atau bantahan bagi Pemilihan Ahli Jawatankuasa Peringkat Negeri Kedah tersebut.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M. KULASEGARAN  
DARIPADA [ IPOH BARAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar-pelajar bukan Cina yang mendaftar di SJKC. Berikan pecahan pelajar mengikut kaum masing-masing.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan pelajar-pelajar bukan Cina yang mendaftar di SJKC ialah seperti berikut :

Bumiputera	: 65889 orang pelajar
India	: 12586 orang pelajar
Lain-lain	: 8201 orang pelajar

\*Data EMIS 31 Oktober 2014